



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 11 MEI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	MAFI TUMPU DEDAK AYAM GUNA ISIRUNG SAWIT, NASIONAL, BERITA HARIAN - 6 IMPLICATION OF FOOD PRICE INFLATION, SPEAK UP, THE SUN -8 RANGKA DASAR JAMIN KESELAMATAN BEKALAN MAKANAN DOMESTIK, KOMENTAR, BERITA HARIAN -11 MAFI PERMUDAH PERMOHONAN PEMBAYARAN SUBSIDI KEPADA PENTERNAK AYAM, BERITA HARIAN -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5.	SASARAN 600,000 TAN JAGUNG BIJIRAN ATASI KRISIS, MUKA HADAPAN, BERITA HARIAN -1	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6. 7. 8. 9.	JPVNS SUDAH BUAT LAPORAN POLIS, LOKAL, HARIAN METRO -16 LAW ON PET ABANDONMENT TO BE ENFORCED, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2 JPV BERI BANYAK ALASAN -PENTERNAK, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -5 PENTERNAK GESA DASAR JPV 'SEMATA-MATA RETORIK' DIROMBAK, MSN - ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
10.	FAMA SEDIA BANTU PETANI PASARKAN HASIL TANI. NEGERI PAHANG. SELANGOR/KL, SINAR HARIAN -23	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
11.	KOS BAIK PULIH BAN PECAH DIJANGKA CECAH RM1.8 JUTA, NASIONAL, BERITA HARIAN -20	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
12. 13. 14. 15. 16. 17. 18.	HARGA SAWI BUNGA MENCECAH RM10 SEKILO, LOKAL, HARIAN METRO -10 HOBI TERNAK PUYUH BERI PULANGAN LUMAYAN, BISNES, SINAR HARIAN -29 HARGA SAYUR DI PASAR AWAM NAIK, NEGERI MELAKA.TERENGGANU, SINAR HARIAN -24 PERMINTAAN LEMBU KORBAN MENINGKAT, NIAGA, KOSMO -38 PENIAGA RUNSING, SAYUR PULA NAIK HARGA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -32 BEKALAN KURANG, HARGA SAYUR NAIK MENDADAK, NEGARA, KOSMO -6 HARGA AYAM MUNGKIN NAIK, CAJ POTONG 80SEN, NEGARA, KOSMO -6	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MAFI tumpu dedak ayam guna isirung sawit

Dari Muka 1

“Dengan sasaran penghasilan 30-peratus daripada jagung bijian yang diimport, ia mampu mengawal kenaikan harga ayam, namun ia turut bergantung kepada beberapa faktor lain juga,” katanya kepada BH.

Krisis bekalan dan kenaikan harga ayam serta telur sering berlaku di negara ini sehingga pelbagai pihak mendesak agar kerajaan untuk segera menanganinya kerana ia membahayakan isu keselamatan makanan penduduk.

Secara purata, keperluan di Malaysia adalah 2.09 juta ayam sehari atau 62.9 juta ayam sebulan.

Kalangan penternak tempatan pula kebelakangan ini didapati mengurangkan pengeluaran ayam bagi mengelak kerugian akibat peningkatan kos operasi, yang disumbangkan oleh peningkatan ketara harga dedak.

Pengerusi Persatuan Penter-

nak Manjung, Tan Wool Pering sebetul ini berkata, penternak berdepan dengan kenaikan harga makanan ayam setiap bulan dengan keseluruhan RM33 dalam tempoh dua tahun, selain kenaikan tenaga kerja asing di ladang ternakan mereka dan kos bekalan elektrik bagi reban sistem tertutup.

Harga dedak ayam meningkat sejak pandemik COVID-19 daripada RM80 satu beg menjadi RM120 hingga RM128 bergantung kepada kuantiti dan jenama.

Seekor ayam seberat dua kilogram (kg) memerlukan 4kg makanan bagi tempoh 35 hari mencapai tempoh matang untuk dijual.

Sehubungan itu, MAFI sedang memberi tumpuan untuk meningkatkan penghasilan dedak ayam berasaskan isirung kelapa sawit (PKC), selain meningkatkan penanaman jagung, bagi mengurangkan ketergantungan pada import dedak ayam.

Mengulas lanjut, Zahimi ber-

kata, Jabatan Pertanian mula melaksanakan penanaman jagung bijian bagi makanan haiwan melalui projek rintis sejak 2018 sehingga tahun ini.

Sehingga kini, katanya kawasan seluas 280 hektar tanaman jagung bijian di Perlis, Kedah, Pahang, Perak dan Sarawak mula dibukakan dengan pembaitan kira-kira 50 usahawan tani serta syarikat swasta.

“Pada tahun ini, selain meneruskan penanaman jagung bijian ini di kawasan sedia ada, kita juga akan membuka kawasan baharu.

“Tahun depan pula, kita akan memasuki fasa pengukuhan dan menuju ke arah usaha untuk menghasilkan 30 peratus keperluan jagung bijian dalam negara,” katanya.

Ia termasuk dalam *blueprint* Industri Jagung Bijian Negara yang mempunyai tiga fasa iaitu Fasa 1: Projek Rintis (2018 hingga 2022), Fasa 2: Fasa Pengukuhan (2023 hingga 2027) dan Fasa 3:

Fasa Pengembangan (2028 hingga 2032).

Zahimi berkata, jagung bijian adalah bahan utama dalam ruminan makanan haiwan iaitu sekitar 50 hingga 60 peratus.

Katanya, secara keseluruhan, Malaysia mengimport 4.01 juta tan makanan ternakan haiwan pada 2020 yang bernilai RM6.15 bilion dengan separuh daripadanya membabitkan dua juta tan jagung bijian bernilai RM1.73 bilion.

Bellau berkata, jabatan itu akan memberikan khidmat sokongan teknikal kepada usahawan tani yang berminat untuk membangunkan tanaman jagung bijian.

“Walaupun margin keuntungan tidak begitu besar, namun jika diusahakan secara skala komersial membabitkan lebih 10 hektar ia masih boleh memberi keuntungan.

“Kita juga akan menyediakan kemudahan asas seperti jentera pertanian serta pusat pengeri-

ngan tanaman jagung bijian ini,” katanya.

Dalam mengurangkan pergantungan import, Zahimi berkata, usaha sedang dilaksanakan bagi menjangkakan kawasan tanaman bawang.

Negara turut bergantung sepenuhnya import bawang khususnya dari China dan India.

“Ini kerana cuaca lembap di Malaysia kurang sesuai bagi tanaman bawang, namun agensi penyelidikkan sedang melihat untuk memilih variasi yang sesuai bagi tanaman ini,” katanya.

Bellau juga berkata, kini negara berjaya mencapai tahap sara diri sebanyak 100 peratus menghasilkan sayur-sayuran tropika seperti kangkung, bendi dan bayam.

Namun bagi tanaman lain seperti cili, Malaysia hanya mencapai tahap penghasilan 30.9 peratus di dalam negara, manakala bakiya diimport, begitu juga dengan kobis (37.5 peratus) dan halia (18.9 peratus).

Implications of food price inflation

COMMENT
by Amanda Yeo

THE continuous rise in food price inflation not only affects the purchasing power and income of the increasingly squeezed M40 and perennially struggling B40, which materially and adversely impacts household and private sector spending at a time when we are supposed to be in the endemic phase (i.e., steadily recovering from the economic impact of the lockdowns), but also exacerbates our food security problem.

Increasing food price inflation entails and means that households and private sectors would need to increase savings to cope with expected or anticipated future shocks in a global environment fraught with uncertainty and externally-driven inter-related dynamics that are increasingly complex.

This analysis makes for a grim reading, especially in the form of a precarious economic and financial situation of over-leveraged households and private sector, where the trade off in the holdings of financial assets between the banks (creditors) and borrowers (debtors) becomes apparent.

If the private sector on the whole wishes to save and accumulate more savings (as in liquid assets), then an increase in interest rates (via the overnight policy rate or OPR) negates the desire (by eating into disposal income) although beneficial to banks in the form of decompressing the net interest margin.

On the contrary, lowering interest rates enables the household and private sector to save more although at the expense of the banks, which are already making huge profits anyway.

And with the minimum wage rate implementation of RM1,500 per month in place, producers who operate their farms might have to reduce the number of local workers employed in order to lower the operating cost.

Current difficulties in hiring foreign workers further complicates the labour shortage issue faced by producers.

A lower number of workers could lead to lower production levels and, by extension, lower supplies - thus resulting in price hikes.

Although we no longer experience the roadblock measures and limitations of market operating hours such as during the various lockdowns, supply-side and supply-chain disruptions persists externally - not least due to lockdown measures in major ports such as Shanghai and its domestic counterparts, causing logistical congestion.

All of these contribute to the inflationary momentum and pressures.

Notwithstanding, Malaysia is rich in natural resources, including fertile land for agriculture.

However, over-reliance on imported food, especially non-rice agrofood, has put our self-

sufficiency ratio (SSR) on a downward and shrinking trend.

The Department of Statistics Malaysia's Supply and Utilisation Accounts Selected Agricultural Commodities 2016-2020 indicated that lockdown measures resulted in lesser food items recording SSRs of more than 100% in 2020.

Only 19 food items recorded over 100% of SSR in 2020, compared with 25 in 2019.

Among the food items that recorded less than 100% of SSR are mutton (9.6%), ginger (18.9%), mango (20.2%), beef (22.2%), chilli (30.9%), round cabbage (37.5%), fresh milk (65%), rice (63%), coconut (66.6%), sweet potato (75.6%) and sardine (80.7%).

In 2020, Malaysia imported RM55.5 billion in food products, compared with RM33.8 billion of exports, translating to a large deficit of RM21.7 billion.

Such a trend is worrying as over the last decade, food imports in Malaysia have accumulated to RM482.8 billion while exports amounted to RM296 billion.

Climate change, which has resulted in unprecedented downpours, e.g. on Dec 17, 2021, have led to states such as Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Malacca, Kuala Lumpur and Selangor experiencing severe flooding.

Around 5,000 livestock breeders and farmers were affected, causing nearly RM67.72 million in losses from the agro-food sector.

The latest Global Food Security Index 2021 from the Economist Intelligence Unit showed that Malaysia ranked 39th, which is far behind the UK (3rd), Finland (4th), Netherlands (6th), Japan (8th), United States (9th), Singapore (15th), Qatar (24th) and Kuwait (30th), as examples.

Despite Malaysia recording a slight improvement from the overall score of 68 in 2020 to 70.1 in 2021, the country scored "availability" and "natural resources and resilience" dimensions poorly at 64 and 46.6, respectively.

For the remaining two dimensions, namely "affordability" and "quality and safety", Malaysia scored 85.6 and 76.3, respectively.

These indicators point to Malaysia's long-standing structural problems in terms of import dependency and balance of payments (BOP) deficit for food items.

With the ongoing Russia-Ukraine conflict coupled with a currency that has been on the depreciating side, our BOP deficit continues to be aggravated by markups from the cost-push inflation that in turn worsens the cost of doing

business and cost of living.

According to the United Nations Comtrade database on international trade, Russia is the third top trading partner of Malaysia for the import of "mineral or chemical fertilisers, phosphatic" at US\$4.77 million, with a share of 16.2%.

Western sanctions on Russia have led to a shortage of fertilisers worldwide, thus increasing the cost of animal feed and crops in Malaysia.

Subsequently, local livestock breeders and farmers have to charge retailers/consumers higher selling prices to compensate for the rising cost of feeding ingredients such as corn, soybeans and wheat aside from the minimum wage increment of RM300 per month per employee starting May 1.

To deal with the ongoing food price inflation effectively, EMIR Research would like to call for a thorough review of the existing food security-related policies.

Here are some of the policy recommendations for the government to consider:

1. The Agriculture and Food Industry Ministry (Mafi) together with the Malaysian Agricultural Research and Development Institute, Federal Agricultural Marketing Agency, Area Farmers' Organisation (*Pertubuhan Peladang Kawasan*), private sector and non-governmental organisations (NGO) to incentivise quality investments in the agricultural sector.

There must be stronger strategic collaboration and joint-ventures between the government, private sector and NGO to promote and enhance our food security.

The stakeholders could generate ideas and solutions on how to improve sustainable farming practices, enhance crop resilience against climate change and diseases, as well as yield enhancement. These measures would safeguard food prices against future shocks, reducing the risk of the cost of living being amplified in the long run.

2. Empower small-scale farmers - (through tax incentives and generous credit (concessional or soft loans, e.g. at zero-interest rate) and grants (e.g. matching ringgit to ringgit) to improve their soil through modern technologies application like the Internet of things, Big Data and artificial intelligence aside from specialised agricultural training courses covering the aspects of soil management, climate change, pest management and water management.

Healthy soil is critical to improving

biodiversity, quality of food produced as well as the life of farmers.

A consortium of banks together with development financial institutions such as SME Development Bank Malaysia Berhad and Bank Pertanian Malaysia Berhad, with Mafi as lead or key shareholder (e.g. "golden share"), should be formed to be specifically geared towards funding smart farming with the aim of food security.

3. Encourage intercropping of oil palm with banana, cassava and pineapple, etc. within existing plantations. It would reduce fertiliser and herbicide usage besides diversifying the country's agricultural plantations dominated by palm oil, rubber and cocoa.

4. Mafi, the Entrepreneur Development and Cooperatives Ministry and Youth and Sports Ministry could craft training programmes and develop financial incentives targeted at youth involvement in the agricultural sector which is only 240,000 or 15% of total farmers in Malaysia. The cross-ministerial effort would be helpful in attracting the younger generation of agropreneurs to get involved in the agricultural sector.

5. Limit the issuance of Approved Permits for imported products to certain categories only, e.g. food items that have high SSRs. In other words, liberalise our import system for food to ensure a level playing field and to tackle monopolies and oligopolies that add to the cost of doing business and cost of living.

6. Expand domestic production of organic fertilisers and feedstock by applying oil palm biomass and waste such as fronds, leaves and kernel meal.

7. Utilise idle land and abandoned buildings to grow various kinds of food crops, which is made possible by rapid development in agritech such as hydroponic, indoor and vertical farming. Converting empty spaces into farms would encourage local food production and reduce greenhouse gas emissions.

We should adopt Singapore's approach to food security: increasing the ratio of food supplied by 2030 via urban farming, including growing vegetables on embankments of canals and also on floating rafts as part of food management, etc. and integrating agriculture with aquaculture.

Focusing on high-quality vegetables, fruits, animal proteins and fish farmed locally would generate higher value-added activities and create a positive spillover effect along the food supply chain.

Our vision of food security should be based on creating interconnected food chains within the ecosystem, ensuring every Malaysian is able to afford high-quality food and enjoy sufficient nutritious food intake on a daily basis.

Amanda Yeo is a research analyst at EMIR Research, an independent think tank focused on strategic policy recommendations based on rigorous research. Comments: letters@thesundaily.com

"Focusing on high-quality vegetables, fruits, animal proteins and fish farmed locally would generate higher value-added activities and create a positive spillover effect along the food supply chain"

11/5/2022

BERITA
KOMENTAR
HARIAN

11

Rangka dasar jamin keselamatan bekalan makanan domestik

Oleh Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi
Abdul Rashid
bhrencana@bh.com.my

Pencerobohan Russia ke atas Ukraine, mendorong Program Makanan Sedunia (WFP) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memberi amaran krisis makanan global akibat gangguan dalam pengeluaran dan eksport.

Memandangkan perang masih berlaku di Ukraine, persolannya sejauh manakah Malaysia bersedia dari segi keselamatan makanan sekiranya krisis itu berterusan.

Malaysia mengimport RM55 bilion nilai makanan setiap tahun, tetapi negara hanya mengeluarkan 46 peratus daripada jumlah permin-taan sayur-sayuran; beras (70 peratus); buah-buahan (61 peratus) dan daging (25 peratus) pada 2019.

Bagi memenuhi kehendak rakyat, apakah langkah diambil kerajaan selama ini. Paling mudah, memberikan atau mengangurahkan permit import (AP) untuk memenuhi keperluan pasaran.

Secara teori, ini langkah paling menjimatkan kerana pemegang AP akan dapat memilih sumber bekalan murah dan stabil dan tiada kos dikeluarkan kerajaan, malah mendapat keuntungan dari segi pungutan cukai.

Ia model utama untuk membawa masuk hampir semua komoditi makanan utama seperti kelapa, sayur, buah, gula, tepung, beras, ayam, daging lembu dan kambing.

Ini mungkin penyelesaian jangka pendek, tetapi jika berterusan berpuh-puluh tahun, ia tidak lagi produktif malah mewujudkan kartel mengawal turun naik harga barang secara gelap.

Kini ia lebih kritikal apabila mata wang dolar meningkat naik dan ringgit pula terkesan. Yang pasti ia memberi kesan kenaikan kepada harga barang sejak Oktober 2021, iaitu apabila ekonomi dibenarkan beroperasi semula.

Justeru, antara langkah jangka panjang untuk Malaysia keluar daripada masalah ini antaranya kerajaan perlu menangani keperluan pengeluaran makanan domestik.

Ia boleh dicapai melalui penggunaan tanah dan merombak dasar pertanian daripada hanya tertumpu kepada eksport komoditi utama seperti kelapa sawit kepada pertanian tanaman makanan. Kerajaan juga perlu menekankan kepesatan dan pembangunan petani kecil menghasilkan bekalan beras, sayur-sayuran dan buah-buahan.

Ini bermakna, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAM) perlu menjadi penerima peruntukan besar setiap kali belanjawan dibentangkan supaya objektif ini dicapai.

Malaysia juga mempunyai kawasan mencukupi untuk tanaman sawit dan pertanian makanan, tetapi insentif dalam industri pertanian sangat lemah berikutan pelesenan, konsesi serta sekatan ke atas akses pasaran.

Oleh itu, negara memerlukan revitalisasi pasaran dan inovasi baharu seluruh pasaran untuk membantu petani tempatan. Ekonomi digital yang tiba tepat pada waktunya perlu dipergunakan semaksimalum mungkin untuk mencapai sasaran.

Yang jelas, pandemik COVID-19 dua tahun lalu mendedahkan kelemahan Malaysia dalam aspek keselamatan makanan apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) turut 'menyekat' rantaian bekalan negara.

Masalah seperti perubahan iklim juga menjejaskan pengeluaran makanan global, apabila negara yang biasanya mengeksport makanan menanggulangi eksport untuk memenuhi keperluan domestik.

Apabila perang Russia dan Ukraine meletus, ia turut menjejaskan pelbagai komoditi utama penting dunia seperti jagung, gandum, minyak masak bunga matahari dan juga baja urea.

Justeru, sudah sampai masa Malaysia merangka satu dasar menjamin keselamatan bekalan makanan untuk kegunaan domestik pada masa hadapan di sebalik bergantung kepada bekalan import.



Penganalisis
Ekonomi di UiTM,
Business School

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAFI permudah permohonan pembayaran subsidi kepada penternak ayam



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee. - Foto NSTP

RE MBAU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mempermudah prosedur permohonan di peringkat negeri dan ibu pejabat bagi mempercepatkan pembayaran subsidi kepada penternak ayam.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata prosedur permohonan dan semakan yang dilaksanakan di tiga peringkat sebelum ini dikurangkan kepada satu peringkat saja iaitu di peringkat negeri dan hanya kelulusan bayaran di peringkat ibu pejabat.

Katanya, bayaran subsidi yang diluluskan dikreditkan ke dalam akaun penternak yang berjaya dalam tempoh tiga hari saja.

"Pihak kementerian komited untuk memastikan pemberian subsidi ini dilaksanakan dengan kadar segera dan mematuhi syarat ditetapkan supaya dapat memberi manfaat kepada penternak," katanya dalam satu kenyataan selepas melawat Kilang Pemprosesan Ayam Worldsign

Lawatan itu bagi melihat kelangsungan operasi di kilang ayam bagi memastikan pemprosesan dan pembungkusan ayam terus lancar untuk memenuhi keperluan tempatan.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan) Mazlan Othman dan Setiausaha Bahagian Sekuriti Makanan, Dr Suratan Kamarudin.

Pada 28 Februari lalu, MAFI dilaporkan membuka permohonan subsidi untuk penternak ayam pedaging dan ayam penelur hingga 6 Jun depan membabitkan pengeluaran ayam daging dan telur yang dihasilkan bermula 5 Februari hingga 5 Jun depan.

Ronald berkata, penternak diminta mengemukakan borang permohonan dan dokumen sokongan seperti invois jualan, pesanan penghantaran pembelian anak

ayam dan salinan perjanjian kontrak antara 'integrator' atau penternak kontrak bagi menuntut subsidi dalam tempoh yang ditetapkan.

Katanya, kadar pemberian subsidi setakat ini adalah RM0.60 sekilogram (kg) bagi ayam pedaging dan RM0.05/biji bagi telur semua kategori membabitkan penternak persendirian, penternak 'integrator/semi-integrator' dan penternak kontrak membabitkan RM528.52 juta yang memanfaatkan 2,255 individu.

"Kerajaan mengambil maklum walaupun pemberian subsidi mula dinikmati oleh penternak, namun kos pengeluaran terus meningkat iaitu harga jagung bijian meningkat 13.41 peratus pada April lalu, manakala harga makanan berasaskan kacang soya meningkat 10.57 peratus berbanding Mac lalu.

"Ini menyebabkan kos pengeluaran ayam di ladang meningkat sebanyak 10.77 peratus iaitu dari RM6.50/kg kepada RM7.20/kg," katanya.

Justeru, beliau berkata, tindakan proaktif akan terus dilaksanakan untuk memastikan kelangsungan industri penternakan ayam walaupun negara sedang berdepan dengan peningkatan kos input pengeluaran berterusan yang juga fenomena global.

"MAFI juga sedang mengkaji keperluan melanjutkan tempoh kelulusan kuota import ayam dengan mengambil kira penilaian keperluan bekalan negara, yang mana kerajaan sebelum ini membenarkan pengimportan ayam sehingga 10,000 tan metrik sebulan termasuk dari Thailand dan China.

"Pada masa ini, syarikat diberi kelulusan kuota untuk tempoh dari Disember 2021 hingga bulan ini dan akan dihentikan sebaik saja bekalan ayam bulat dalam negara mencukupi.

"Kita akan terus menumpukan usaha meningkatkan jaminan bekalan makanan negara melalui pelbagai usaha sama strategik terutama dengan kolaborasi bersama kementerian dalam memastikan industri ini kekal mampan dan sekuriti makanan negara terus terjamin," katanya.

11/5/2022

BERITA
HARIANMUKA
HADAPAN

1

Kenaikan harga ayam, telur

Sasaran 600,000 tan jagung bijirin atasi krisis

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia menyasar mengeluarkan 600,000 tan jagung bijirin untuk makanan ternakan dalam tempoh 10 tahun lagi, sekali gus mengurangkan 30 peratus daripada pergantungan import.

Susulan usaha ini, ia dijangka berupaya mengawal harga ayam dan telur apabila penternakan tempatan sering menggunakan alasan bahawa antara faktor kenaikan harga adalah disebabkan harga makanan ternakan yang melambung.

Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Zahimi Hassan, berkata sasaran itu mampu dicapai melalui projek penanaman jagung bijirin di kawasan seluas 50,000 hektar secara berfasa bermula tahun depan.

Ketika ini, Malaysia mengimport hampir 100 peratus jagung bijirin atau kira-kira dua juta tan setahun dari negara seperti Argentina, Brazil dan Amerika Syarikat (AS).

"Kini kita nak tumpu kepada penghasilan tanaman jagung dalam negara melalui kerjasama pelbagai agensi. Berbanding dulu pada era 1980-an hingga 2016 kita import sebab ketika itu ia lebih murah berbanding ditanam sendiri.

"Tetapi kita mengalami isu ketika kemelesetan ekonomi akibat pandemik dan peperangan, negara pengeksport turut mengalami krisis menyebabkan harganya meningkat berkali ganda sekali gus memberi kesan kepada harga bekalan ternakan ayam dan telur.

Nasional 6



11/5/2022

HARIAN
METRO

LOKAL

16

2,000 BABI HILANG

JPVNS sudah buat laporan polis

Seremban: Laporan polis berhubung isu kehilangan 2,000 babi di 19 ladang tidak berlesen di Kampung Baru Tanah Merah Site A, Port Dickson, dekat sini, sudah dibuat sebelum Aidilfitri lalu.

Babi terbabit dipercayai dibawa keluar dari kawasan ladang itu tanpa pengetahuan pihak berkuasa berkaitan.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) Dr Redzuan Ibrahim berkata, pihaknya sudah membuat la-

poran polis berkaitan perkara itu di Balai Polis Pantai, Seremban.

"Jabatan sudah membuat laporan polis berhubung perkara itu sebelum Aidilfitri lalu dan kami serahkan kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan.

"Kami akan memaklumkan apa-apa perkembangan terkini mengenai perkara itu," katanya dihubungi semalam.

Sebelum ini, media melaporkan, kerajaan negeri akan mengambil tindakan undang-undang susulan isu

2,000 babi di 19 ladang tidak berlesen di lokasi terbabit dipercayai dibawa keluar dari kawasan berkenaan tanpa pengetahuan pihak berkuasa.

Bagaimanapun, pada 27 April lalu, Ketua Polis Negeri Sembilan Datuk Ruslan Khalid menjelaskan, pihaknya belum menerima sebarang laporan berhubung isu terbabit.

Susulan itu, Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun menggesa JPVNS membuat laporan polis supaya pihak berkuasa da-

pat melakukan siasatan sebelum sebarang tindakan lanjut diambil.

Pada 8 April lalu, JPVNS mengesan babi dari sebuah ladang di Kampung Baru Tanah Merah Site A, dijangkiti Demam Babi Afrika (ASF) dan susulan itu, pihak berkuasa mengambil tindakan melupuskan kesemua 275 ekor ternakan terbabit.

Bagaimanapun, kira-kira 2,000 babi lain di beberapa ladang di kawasan terbabit kemudiannya didapati 'ghaib' dari ladang berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2022	THE SUN	NEWS WITH- OUT BORDERS	2

Law on pet abandonment to be enforced

PUTRAJAYA: The Department of Veterinary Services will be enforcing some regulations in the 2021-2030 National Animal Welfare Strategic Plan, including one on pet or animal abandonment.

Its director-general Datuk Dr Norlizan Mohd Noor said the Animal Welfare Code of Practice introduced before this was not legally binding.

He said it merely acted as a guide, and action could not be taken if it was breached.

Court action can be taken against pet owners under the law for neglecting or dumping pets.

"We can't do anything when someone breaches the code, but with regulations in force, we can take legal action if someone lodges a complaint against offenders."

The National Animal Welfare Strategic Plan, launched in April, is a continuation of the 2012-2020 strategic plan, and aims to strengthen enforcement of the Animal Welfare Act 2015 and other laws to improve the welfare and well-being of animals.

"Animal welfare development needs to be carried out to ensure its values are instilled in people from a young age."

He considers enforcement of the Animal Welfare Act, which began on July 1, 2017, a major achievement.

"Without the Act, welfare development will be difficult because special legislation is required. For instance, statutes are needed to conduct surveillance and investigation, as well as prosecution."

He said the department had received many complaints about neglected animals and abuse, with 768 recorded in 2020 and 1,249 the following year.

Norlizan said there was a sharp rise in cases involving dogs, cats, horses, cows and exotic animals.

He added that in the first three months of this year, the department received 298 complaints.

"People did not really care about animal neglect before, but now that there is greater awareness, a reporting channel and legislation, we have been receiving many complaints." - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

Krisis industri ruminan perlukan semua pihak selami masalah sebenar

JPV beri banyak alasan - Penternak

Oleh JUAN MUNIR ABU BAKAR, NOOR HASLIZA NUSI DAN MUHAMMAD ZIKRI
 ulusannews@medianusa.com.my

GEORGETOWN: "Sudah dua tahun kami menunggu untuk bersempua dan bertanyakan tentang polisi rumit dan kenah birokrasi dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), namun sehingga ke hari ini masih tiada peluang bertemu.

"Mereka seperti tiada fungsi, hanya semata-mata memberi perkhidmatan dan penguatkuasaan undang-undang. Prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan juga amat melecehkan."

Seorang penternak ruminan yang mahu dikenali sebagai Ahmad, 40, berkata, dia terpaksa berdepan dengan pelbagai kenehan birokrasi pihak berkenaan terutama dalam urusan permit pengeluaran lembu antara negeri.

Menurutnya, pelbagai alasan diberikan seperti kekurangan kakitangan, ketiadaan pegawai untuk menandatangani surat kebenaran di pejabat dan tempoh urusan hanya setakat pukul 4 petang.

Ahmad mendakwa, dia tidak pernah menerima bantuan daripada pihak berkenaan sejak lebih 20 tahun mengusahakan ternakan lembu selain Anugerah Penternak Jaya.

"Mereka memberi alasan yang ladang kami tiada status tanah sedangkan lebih berpuluh-puluh tahun kami sudah mengusahakannya. Saya usaha sendiri untuk mencapai kejayaan. Daripada tanah bersaiz kecil sehinggalah kini bersaiz besar.

"Pernah mereka memberi alasan yang saya sudah senang dan tak perlu lagi menerima bantuan," jelasnya yang mula mengusahakan ladang ternakan lembu sejak 1999.

Utusan Malaysia semalam melaporkan lebih 20,000 ahli Kelab Generasi Transformasi Ruminan Malaysia (GTR) yang kebanyakannya terdiri daripada penternak ruminan semakin terhimpit dengan dasar dan polisi JPV yang disifatkan hanya retorik.

TIDAK GAGAL

Dalam pada itu, penternak lembu berkata, industri ternakan lembu tidak akan gagal jika pihak berkenaan menyelami masalah sebenar, bukan menuding jari ke arah penternak setiap kali harga daging lembu naik seperti musim perayaan baru-baru ini.

Paling utama, mereka meminta kerajaan segera mengawal harga



INDUSTRI ruminan negara memerlukan penstrukturan semula secara menyeluruh bukan sahaja bagi mengurangkan kebergantungan kepada daging import tetapi juga mampu membela nasib dan meningkatkan pendapatan golongan penternak di seluruh negara.

“Mereka seperti tiada fungsi, hanya semata-mata memberi perkhidmatan dan penguatkuasaan undang-undang. Prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan juga amat melecehkan.”

makanan bagi mengelak lebih ramai penternak 'gulung tikar' kerana tidak mampu menampung kos yang naik setiap bulan.

Seorang penternak, Abd. Samad Samiran, 49, berkata, dia tidak dapat lagi berselindung kerana harga makanan lembu naik sebanyak lapan kali tahun lalu.

"Sebelum ini harga makanan lembu iaitu dedak bagi bungkusan 25 kilogram (kg) berharga RM23,

kini melonjak kepada RM33 dan dijangka naik lagi sebanyak RM4 pada penghujung bulan ini.

"Bagi penternak kecil di bawah 50 ekor, kami turut berdepan masalah pembelian isi rong kelapa sawit sebagai makanan tambahan selain jerami, tahi minyak dan sebagainya," katanya.

Seorang lagi penternak, Nizal Mokmin, 42, berkata, sebagai penternak lembu secara fiddot, isu kenaikan harga makanan lembu secara kerap memberikan tekanan kepada penternak seperti ini.

Katanya, apabila harga makanan naik secara mendadak, penternak juga terpaksa menghadkan jumlah ternakan lembu mereka bagi mengelak terus menanggung kerugian setiap bulan. Menurut Nizal, kenaikan harga seperti dedak dan makanan sampingan lain menyebabkan penternak terpaksa menaikkan harga daging bagi menampung kos yang dikeluarkan sebelum ini.

"Dalam jangka panjang, jumlah ternakan lembu akan berkurangan kerana penternak tidak lagi berupaya untuk mengeluarkan perbelanjaan tambahan terutama kos makanan," ujarnya.

Bagi penternak muda, Mohd.

Aliffi Abu Khairi, 32, isu yang membelunggu penternak ketika harga makanan haiwan itu yang tinggi memberikan kesan kepada kelangsungan industri tersebut.

Katanya, kerajaan bukan tidak berupaya mengeluarkan makanan haiwan sendiri tetapi disebabkan lebih suka ambil jalan mudah mengimport bahan tersebut dari luar negara.

"Jangan tidak percaya, dalam ternakan lembu pun ada 'kronikroni'. Kami penternak kecil terpaksa berdepan pelbagai masalah tetapi ada pihak tertentu tidak menerima apa-apa kesan pun," jelasnya.

STRUKTUR SEMULA

Pengerusi Pertubuhan Gerak Tani, Datuk Mazlan Aliman berkata, JPV perlu dikaji semula dengan struktur dan peranannya harus diperkasa supaya selaras kepentingan industri ayanu dan ruminan masa kini.

Katanya, fungsi jabatan itu selama ini dianggap begitu kecil sekali gus tidak mampu menangani keperluan industri bersaiz besar.

"Kenehan birokrasi di peringkat agensi dan jabatan yang menyu-

rah dan menyukarkan pengusaha kecil-kecilan hingga akhirnya gulung tikar perlu ditangani segera.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) juga perlu membantu memasarkan produk ternakan, namun mestilah lebih spesifik bagi memastikan kebjakan pengusaha ruminan terbelah," katanya.

Mazlan menambah, kerajaan tidak membolehkan membiarkan pengusaha kecil begitu sahaja tanpa sokongan dan modal kerana mereka selama ini dilanda pelbagai masalah termasuk soal mendapatkan bekalan makanan haiwan ternakan.

Justeru, kata beliau, kerajaan perlu mewujudkan sokongan di peringkat akar umbi tanpa mengharapkan JPV semata-mata kerana jabatan itu tidak cukup tangan untuk mengawal masalah berlaku selama ini.

"Industri ternakan berskala kecil dan sederhana mesti dibantu menerusi geran dan pembiayaan kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan di samping Kementerian berkaitan seperti pembangunan usahawan dan luar bandar," kata beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2022	MSN	ONLINE	

PENTERNAK GESA DASAR JPV ‘SEMATA-MATA RETORIK’ DIROMBAK

PETALING JAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) digesa merombak segala dasar dan polisinya yang dikatakan menyusahkan penternak ruminan.

Situasi itu dialami lebih 20,000 ahli Kelab Generasi Transformasi Ruminan (GTR), kebanyakannya terdiri daripada penternak ruminan, yang semakin terhimpit dengan dasar dan polisi JPV yang disifatkan “hanya retorik”.

Malah tiada perkembangan positif yang dilihat berlaku, terutama bagi bidang lembu pedaging dan kambing dalam tempoh 10 tahun ini, kata Timbalan Presiden Kelab GTR Nordin Mat.

“JPV hanya berperanan menguat kuasa undang-undang dan masih kekal dengan dasar dan polisi hanya menyusahkan penternak sedangkan pembangunan industri langsung tidak kelihatan, sekadar dirancang semata-mata tanpa pelan tindakan,” katanya lapor Utusan Malaysia.

Menurutnya, jabatan itu sepatutnya bukan hanya memberi perkhidmatan dan penguatkuasaan undang-undang, sebaliknya mengubah fokus pembangunan keseluruhan industri ruminan negara.

“Dasar Agromakanan Negara 2.0 yang dilancarkan awal tahun ini oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan adalah retorik semata-mata.

“Apatah lagi mahu meningkatkan kadar sara diri (SSL) daging lembu diletakkan sehingga 50% dalam tempoh lima tahun akan datang,” kata Nordin.

Angka SSL 23% oleh JPV juga jauh daripada sasaran sebenar, tambahnya.

“Hanya pengimportan dan penyeludupan ternakan dari luar negara (dapat) menampung keperluan dan permintaan negara terutama bagi tujuan ibadah akikah dan korban,” katanya.

Katanya, pihak JPV perlu melihat semula pelbagai polisi seperti prosedur operasi standard (SOP) pemindahan ternakan antara negeri yang merumitkan, walaupun dengan sistem e-permit

Selain itu katanya, SOP kawalan penyakit yang menganiaya penternak turut perlu diubah kerana hakikatnya ia langsung tidak dapat mengawal penyakit.

Import permit ayam dan daging yang tidak terkawal juga boleh menjejaskan penternak tempatan dan industri ini secara tidak langsung, katanya.

“Sekiranya keadaan ini berterusan, industri yang semakin malap dan dihimpit pelbagai faktor lain seperti kenaikan kos makanan sangat tinggi, bekalan ternakan semakin mahal, tenaga pekerja yang semakin sukar, maka industri ini sebenarnya sedang menghala ke arah kepupusan.

“Negara akan terus bergantung sepenuhnya kepada ternakan import selain bekalan daging semakin bergantung kepada India, Australia dan Amerika Latin yang juga semakin mahal,” katanya.

11/5/2022

SINAR
HARIANNEGERI.
PAHANG.

23

SELANGOR/KL.

FAMA sedia bantu petani pasarkan hasil tani

KUANTAN - Petani di Pahang tidak perlu bimbang untuk memikirkan platform dan akses terbaik untuk memasarkan hasil tani masing-masing.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang, Saiful Sadri berkata, sebaliknya petani hanya perlu mendapatkan bantuan FAMA, jika sukar memasarkan hasil tani.

Menurutnya, banyak sumber untuk membantu memasarkan hasil tani seperti mengadakan aktiviti Pasar Tani di lokasi terpilih dalam negeri ini.

“Saya maklum petani, Marzuki Mustaffa di Kampung Temalian, Ulu Dong, Raub telah mengeluarkan kira-kira 10,000 kuntum bunga kantan seminggu dan dia tidak memiliki kenderaan sesuai untuk memasarkan produk berkenaan.

“Jadi, FAMA Daerah Raub telah menyediakan kemudahan kenderaan pacuan empat roda untuk menghantar hasil pertanian berkenaan, usaha berkenaan antara perkhidmatan yang disediakan kepada petani yang merupakan peserta ladang kontrak kita,” katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Beliau menjelaskan, perkhidmatan yang disediakan itu mampu memberi pendapatan yang lebih kepada petani.

Menurutnya, ini kerana petani dapat memasarkan

FOTO: FAMA PAHANG



Marzuki sedang menyusun bunga kantan sebelum dipungkah oleh pihak FAMA untuk dipasarkan.

kan produk terus kepada pemborong dalam jumlah yang banyak dalam satu masa.

“Bila mereka dapat perluaskan pasaran sudah pasti perolehan akan meningkat, sekali gus dapat memberi pulangan lumayan pada mereka,” ujarnya.

Sehubungan itu, beliau berharap petani di Pahang dapat bertubung dengan FAMA daerah bagi mendapat pandangan seterusnya peluang pemasaran yang lebih luas hasil pertanian mereka.

Kos baik pulih ban pecah dijangka cecah RM1.8 juta

Kubang Pasu: Kerajaan negeri menjangkakan kos baik pulih ban dan terusan tengah di Sungai Santap, Pelubang, yang runtuh kelmarin, mencecah RM1.8 juta.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, berkata runtuhnya pada jam 12.15 tengah hari itu, adalah di luar jangkaan dan mengakibatkan limpahan air ke kawasan berdekatan.

Katanya, terusan berkenaan penting kerana ia membekalkan sumber air mentah utama ke Bandaraya Alor Setar dan daerah berdekatan lain seperti Pokok Sena dan Pendang.

"Ketika ini, pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sedang giat melakukan kerja membelat terusan berkenaan menggunakan jentera berat memabitkan kos kira-kira RM300,000 yang dijangka dapat disiapkan hari ini (semalam).

"Proses membelat ini perlu dibuat sebelum kerja membaik pulih ban yang pecah dapat dilakukan segera yang dianggarkan memabitkan kos antara RM1.5 hingga RM1.8 juta," katanya ketika meninjau runtuhnya ban di Lubuk Batu, di sini, semalam.

Turut hadir, EXCO Kerja Raya, Bekalan Air dan Sumber Air, Tenaga negeri, Datuk Suraya Yaacob; Pengurus Besar MADA, Kamarudin Dahuli dan Ketua Pegawai Eksekutif SADA, Radzuan Osman.

Berikutan kejadian kelmarin, Syarikat Air Darul Aman (SADA) mengeluarkan amaran kepada kira-kira 75,000 akaun pengguna di Daerah Kota Setar dan Pokok

Sena yang bakal terjejas berikutan penurunan paras air di Sungai Santap.

Muhammad Sanusi bagaimanapun berkata, setakat pagi semalam, hanya Loji Rawatan Air (LRA) Pokok Sena terpaksa ditutup, manakala LRA Jenun Lama dan LRA Jenun Baru masih beroperasi penuh.

"Sebaik kerja membelat selesai, kita akan lepaskan kembali air yang ditakung di baraj Pelubang kerana paras air perlu ditingkatkan ke paras normal 4.9 meter sebelum semua LRA dapat kembali beroperasi seperti biasa.

"Berikutan itu, orang ramai terutama di Alor Setar, Gurun dan Yan diminta berjimat menggunakan air. Kita jangka bekalan air akan pulih secara berperingkat mulai esok ke semua kawasan yang terjejas ketika ini," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai tindakan sesetengah pihak yang dilihat 'gembira' susulan kejadian ban runtuh berkenaan, beliau menegaskan perkara itu sepatutnya dihentikan.

"Ada orang 'gembira' dengan kejadian, apabila berlaku keemasan kita harap pihak berwajib dapat mengatasi masalah ini dan orang ramai tidak sepatutnya sebar perkara boleh menimbulkan kontroversi atau kebimbangan keterlaluan.

"Jika ada orang yang gembira, maka orang itu ada masalah atau dia memang jahat kerana orang baik tidak buat begitu. Orang jahat tidak patut hidup dengan kita, dia sepatutnya duduk dalam hutan," katanya.



Muhammad Sanusi (dua dari kanan) meninjau ban pecah di terusan tengah Sungai Santap, Pelubang, semalam. (Foto M Hifzuddin Ikhsan/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2022	HARIAN METRO	LOKAL	10

Harga sawi bunga mencecah RM10 sekilo

Melaka: Harga beberapa jenis sayur di negeri ini meningkat sejak beberapa hari lalu malah ada yang melebihi 50 peratus.

“Memang ada pelanggan marah tetapi terpaksa sabar dan tahan,” luah peniaga sayur, Roslan Hassan, 55, susulan kenaikan harga itu.

Menurut Roslan, ia juga menyebabkan peniaga sukar menjualnya kerana harga terlampau tinggi.

“Malah ada sayur saya tidak jual seperti sawi bunga kerana harganya meningkat RM4 sekilogram. Daripada dimarahi pelanggan, lebih baik tidak jual,” katanya, semalam.

Roslan yang berniaga sayur sejak 30 tahun lalu berkata, pembekal memberikan alasan hujan selain tanaman sayur tidak menjadi

untuk menaikkan harga.

Seorang lagi peniaga, Kalsom Kassim, 60, berkata, jika sebelum ini harga sawi bunga hanya RM6, kini mencecah RM10 sekilogram.

“Harga sawi bunga amat ketara kerana ia dijual pada harga RM10 kerana ia diperolehi pada harga RM7.50 hingga RM8 sekilogram daripada pembekal.

“Ketika ini, kita ketiadaan sayur daun seperti sawi bunga, sawi biasa, kangkung serta bayam. Jika ada, harga jualannya tinggi,” katanya.

Terdahulu, tinjauan di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) Bachang di sini, mendapati beberapa jenis sayur mengalami peningkatan harga.

11/5/2022

SINAR
HARIAN

BISNES

29

Hobi ternak puyuh beri pulangan lumayan

KUALA TERENGGANU - Lama juga saya belajar untuk faham selok-belok ternakan ini dan proses pembelajaran itu masih berjalan sehingga sekarang," katanya.

Menurut Mohd Azizie, ternakan puyuh bermula sejak lima tahun lalu iaitu sekitar 2017. Pada mulanya saya memelihara ayam belanda, namun memandangkan pasaran ayam belanda agak perlahan, saya bertukar kepada burung puyuh pada tahun yang sama.



MOKD AZIZIE

"Sebenarnya sejak kecil saya suka bermain dengan unggas. Cuma, sebelum ini saya hanya pelihara untuk suka-suka dan tidak menjadikan ia sebagai satu produk untuk meraih keuntungan.

"Saya terpaksa merantau ke luar dari Terengganu dan cari orang-orang lama yang berpengalaman memelihara puyuh antaranya di sempadan Negeri Sembilan, Klang dan di Kota Bharu, Kelantan.

"Saya bertemu seorang pen-ternak puyuh di Kota Bharu, Kelantan yang merupakan orang lama dalam ternakan puyuh.

"Disebabkan persaingan ternakan puyuh dalam kuantiti besar agak kurang di Terengganu, produk ini memakan sedikit masa untuk popular di pasaran," katanya.

Mohd Azizie yang merupakan pemilik syarikat Renai Enterprise berkata, secara purata sebanyak 300 kilogram (kg) daging puyuh dapat diperolehi dalam tempoh seminggu yang dijual pada harga RM25 se-kilogram.

Menurutnya, fokus diberikan bukan sahaja menjual daging puyuh, dia turut memasarkan telur puyuh sama ada untuk



Menu puyuh goreng 'ready to eat' yang dihasilkan Mohd Azizie ketika pandemik Covid-19.

dan minum serta berada dalam persekitaran yang sesuai serta selesa, puyuh akan mula bertelur pada usia 45 hari," katanya.

Setakat ini Mohd Azizie memiliki 800 hingga 1,000 ekor induk selain 3,000 anak puyuh. Katanya, kini reban ternakan puyuh secara bertingkat di Teluk Pasu, Manir sedang diubahsuai dan dijangka mampu memuatkan sekali ganda puyuh antara 6,000 hingga 8,000 ekor.

Dalam pada itu, katanya, bekalan makanan puyuh yang naik mendadak menyebabkan dia terpaksa menanggung kos

yang tinggi khususnya di waktu pandemik.

"Kuala Terengganu antara yang saya kenal pasti masih menjual dedak pada harga murah iaitu RM124 bagi 50 kilogram (kg). Walaupun begitu, harga itu sebenarnya melonjak naik berbanding RM90 sebelum pandemik.

"Kalau harga dedak dari luar, biasanya kita dapat dalam RM130 hingga RM135 ada. Mahu tidak mahu kita terpaksa beli kerana burung puyuh agak 'manja'. Kadangkala bila pakai dedak murah ia agak kurang bertelur," jelasnya.

11/5/2022

SINAR
HARIANNEGERI.
MELAKA.

24

TERENGGANU

Harga sayur di pasar awam naik

Kenaikan harga hampir mencecah 50 peratus terutama sawi bunga

Oleh NOR FARHANA YAACOB

MELAKA

Harga sayur-sayuran di Melaka naik mendadak selepas cuti perayaan Hari Raya Aidilfitri.

Peniaga, Kalsom Kassim, 60, berkata, terdapat beberapa faktor menyebabkan harga sayur meningkat termasuklah pemborong atau pembekal yang bercuti panjang selain faktor cuaca.

Menurutnya, kenaikan harga sayur hampir mencecah 50 peratus terutama sawi bunga yang dijual pada harga RM10 sekilogram berbanding sebelum ini RM6 selepas bekalan didakwa berkurangan sejak Jumaat lalu.



Roslan (kini) tidak mahu mengambil risiko menjual sayur sawi bunga yang harganya meningkat mendadak di Pasar Awam Bachang, Melaka.

"Bekalan sayur lain seperti bayam dan kangkung juga berkurangan sedangkan permintaan tinggi," katanya ketika ditemui di Pasar Awam Bachang di sini pada Selasa.

Seorang lagi peniaga, Roslan Hassan, 55, juga mengakui mengalami situasi sama dan ti-

tidak sanggup menjual sayur sawi bunga yang agak mahal.

"Harga sayur selepas raya naik mencecah RM4 sekilogram berbanding harga biasa.

"Pembekal, maklumkan bekalan sayur daun berkurangan kerana cuaca hujan menyebabkan tanaman mereka tidak men-



KALSONI



GHAZALI



HAMZAH

jadi," jelasnya.

Bagi peniaga ayam, Ghozali Abu Bakar, 48, tidak menolak akan berlaku kenaikan caj potong ayam daripada 60 sen kepada 80 sen dalam masa terdekat ini.

Begaimanapun katanya, peniaga ayam akan mengikut harga kawalan yang ditetapkan kerajaan iaitu RM8.90 sekilogram.

Peniaga ayam, Hamzah Osman, 57, pula berkata, mereka bersedia sedia sekiranya perlu menaikkan harga ayam memandangkan pengeluaran berdepan dengan harga dedak yang semakin mahal.

"Apa pun penternak dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, Norena Jaafar berkata, pihaknya tiada halangan jika peniaga mahu menaikkan caj potong ayam.

"Terpulang kepada pengguna sama ada mahu guna perkhidmatan yang ditawarkan itu atau sebaliknya," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2022	KOSMO	NIAGA	38



ABDUL RAZAK melapah daging lembu pada program Jualan Kongsi Rezeki di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang Teluk Panglima Garang semalam.

Permintaan lembu korban meningkat

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**

KUALA LANGAT – Permintaan lembu untuk ibadah korban tetap meningkat walaupun harga ruminan tersebut dijangka meningkat tahun ini.

Menurut Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbollah, setakat ini pihaknya telah menerima pesanan sebanyak 2,000 ekor lembu untuk ibadah korban.

"Tahun lepas kami memasarkan sebanyak 1,200 ekor lembu korban. Ketika itu harga bermula daripada RM4,500 seekor.

"Kali ini, walaupun harga di-

tawarkan meningkat bermula daripada RM5,000 seekor, permintaan telah melonjak lebih 40 peratus," katanya ketika ditemui di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) Teluk Panglima Garang semalam.

Abdul Razak berkata, kenaikan kos seperti makanan ternakan sejak beberapa bulan kebelakangan ini menyebabkan harga lembu tidak dapat dikekalkan seperti tahun lalu.

Tambahnya, usaha kerajaan termasuk inisiatif menanam jagung di Negeri Sembilan amat dialu-alukan dan beliau berharap penanaman rumput Napier dapat diperbanyakkan dan dise-

gerakan di daerah ini.

"Penternakan haiwan seperti lembu sinonim dengan PPK Kuala Langat. Kami mempunyai penternak berjaya dari Kampung Endah Banting.

"Kami juga mempunyai pusat penyembelihan di Kampung Endah dan Pulau Nyatoh di sini. Justeru, saya berharap kos penternakan akan terus dikurangkan bagi memastikan lebih banyak lembu dapat diternak untuk memenuhi keperluan pasaran," katanya.

Jelas Abdul Razak, pada program jualan sempena Aidilfitri minggu lalu, pihaknya telah menjual sebanyak 50 ekor lembu bagi pasaran tempatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Peniaga rungsing, sayur pula naik harga

MELAKA: Harga sayur-sayuran di negeri ini naik mendadak mencecah 50 peratus termasuk sawi bunga yang terpaksa dijual RM10 sekilogram selepas bekalan didakwa berkurangan, sejak Jumaat lalu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Awam, Bachang di sini mendapati, rata-rata peniaga mengeluh dengan situasi tersebut kerana terpaksa menjual beberapa jenis sayur dengan kenaikan harga sekitar RM2 hingga RM5 bagi sekilogram.

Peniaga, Kalsom Kasim, 60, berkata, dia kini menjual sawi bunga pada harga RM10 sekilogram, berbanding sebelum ini hanya RM6.

"Sayur daun memang tak ada, sawi bunga, sawi biasa, kangkung dan bayam susah nak dapat, kalau ada pun harga memang naik daripada pembekal.

"Sawi bunga paling ketara harganya, dulu saya boleh jual RM6 sekilogram, kini terpaksa jual RM10 kerana harga daripada pembekal naik antara RM7.50 hingga RM8," katanya ketika ditemui.

Tambahnya, dia menjual kangkung pada harga RM5 sekilogram, baby bayam dan sawi biasa pula RM7 sekilogram.

Sementara itu, Roslan Hassan, 55, yang telah berniaga lebih 30 tahun di pasar itu mengakui, kenaikan harga berlaku sejak minggu lalu dan amat sukar untuk dijual kepada pelanggan.

"Kami pun tak jual sawi bunga ni, susah nak jual kerana pelanggan marah, harga naik mencecah RM4 sekilogram.

"Pembekal beritahu kami bekalan sayur kurang sebab cuaca hujan, tanaman mereka tidak menjadi, itu sahaja," katanya.

Dalam pada itu, K. Kumar, 42, pula memberitahu, sebelum ini harga bayam daripada pembekal hanya sekitar RM3 sehingga RM3.50 sekilogram, namun naik antara RM5 sehingga RM5.50.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2022	KOSMO	NEGARA	6

Alasan pembekal cuaca hujan, tanaman tidak menjadi **Bekalan kurang, harga sayur naik mendadak**

Oleh **DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA**

MELAKA – Harga sayur di negeri ini naik mendadak mencecah 50 peratus termasuk sawi bunga yang dijual pada RM10 sekilogram selepas bekalan didakwa berkurangan sejak Jumaat lalu.

+ Tinjauan Kosmo! di Pasar Awam di Bachang di sini mendapati rata-rata peniaga mengeluh dengan situasi tersebut kerana terpaksa menjual beberapa jenis sayur dengan kenaikan harga sekitar RM2 hingga RM5 bagi sekilogram.

Seorang pentaga, Kalsom Kasim, 60, berkata, dia kini terpaksa menjual sayur sawi bunga pada harga RM10 sekilogram, berbanding sebelum ini hanya RM6.

"Sayur daun memang tak ada, sawi bunga, sawi biasa, kangkung

dan bayam susah nak dapat, kalau ada pun harga memang naik daripada pembekal.

"Sayur sawi bunga paling ketara harganya, dulu saya boleh jual RM6 sekilogram, kini terpaksa jual RM10 kerana harga daripada pembekal naik antara RM7.50 hingga RM8," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Tambahnya, dia menjual sayur kangkung pada harga RM5 sekilogram, baby bayam dan sawi biasa pula pada kadar RM7 sekilogram.

Sementara itu, Roslan Hassan, 55, yang telah berniaga lebih 30 tahun di pasar itu mengakui kenaikan harga sayur daun naik mendadak sejak minggu lalu dan sukar untuk dijual kepada pelanggan.

"Kami pun tak jual sawi bunga ni, susah nak jual kerana pelanggan marah, harga bukan naik

sikit, naik mencecah RM4 sekilogram berbanding harga biasa.

"Pembekal beritahu kami bekalan sayur daun kurang sebab cuaca hujan, tanaman mereka tidak menjadi, itu sahaja," katanya.

Dalam pada itu, situasi sama turut berlaku di **Pulau Pinang**, seorang suri rumah, Rahmah Hussain, 65, berkata, kenaikan harga sayur dilihat tidak begitu ketara.

"Lepas raya memang perasan harga sayur naik seperti sawi hijau, kubis bunga, cili merah, cili hijau dan lain-lain sayur. Ada yang naik 20 sen dan ada yang naik sehingga 50 sen," katanya.

Ujar Rahmah yang tinggal di Seberang Perai, bekalan sayur di beberapa buah pasar mini telah tiada stok dan jika hendak beli terpaksa ke pasar awal-awal pagi.



KALSOM menunjukkan sayur yang dijual di gerainya di Pasar Awam di Bachang, Melaka semalam.



GHAZALI (kanan) menjual ayam di Pasar Awam Melaka semalam.

Harga ayam mungkin naik, caj potong 80 sen

MELAKA – Harga ayam segar di Pasar Awam Melaka dijangka meningkat mencecah RM9.70 sekilogram susulan caj pemotongan ayam akan dinaikkan peniaga kepada 80 sen bermula esok.

Tinjauan *Kosmo!* di pasar awam itu bagaimanapun mendapati sehingga pukul 9 pagi tadi peniaga masih memaparkan caj pemotongan ayam pada kadar 60 sen bagi setiap kilogram.

Peniaga ayam, Ghazali Abu Bakar, 48, berkata, caj baharu itu dijangka diperkenalkan bermula esok (hari ini) selepas mendakwa rata-rata peniaga ayam di negeri ini telah kenakan kadar RM1 sekilogram bagi khidmat memotong ayam.

"Tempat lain banyak yang kenakan caj RM1 untuk potong ayam, jadi kami akan kenakan caj 80 sen bermula esok.

"Harga ayam masih sama, kita patuhi harga kawalan ditetapkan iaitu RM8.90 sekilogram dan terpulang kepada pelanggan sama ada mahu kami potong ayam atau tidak," katanya ketika ditemui di Pasar

Awam di Bachang di sini semalam.

Sementara itu, Hamzah Osman, 57, memberitahu, caj itu yang dikenakan dilihat sempit untuk seimbangkan keuntungan para peniaga yang perlu mematuhi harga kawalan ditetapkan kerajaan.

"Kita memang harap harga ayam ini tidaklah naik sehingga mencecah RM10 atau pun lebih, namun ini salah satu cara untuk kita seimbangkan semula pendapatan peniaga.

"Para penternak dan kementerian juga perlu berbincang untuk mendapatkan harga ayam yang terbaik dan tidak menurunkan lagi memandangkan subsidi diberikan juga hanya sehingga 6 Jun ini," katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, Norena Jaafar ketika dihubungi memberitahu, pihaknya tiada halangan kepada peniaga untuk menaikkan caj potong ayam.

"Terpulang kepada pengguna nak guna khidmat potong atau tidak," ujarnya.